

**KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**CADANGAN UNTUK ELAUN SUB-KEPAKARAN KEPADA
PEGAWAI PERUBATAN PAKAR SELEPAS TAMAT MENJALANI
LATIHAN SUB-KEPAKARAN**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon pertimbangan Kerajaan mengenai cadangan memberi elaun sub-kepakaran kepada Pegawai Perubatan Pakar selepas tamat menjalani latihan sub-kepakaran.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Buat masa kini, Pegawai Perubatan Pakar akan menyambung pembelajaran untuk latihan sub-kepakaran contoh: Pakar Perubatan boleh menjalani latihan sub-kepakaran bagi bidang Kardiologi, Respiratori, Penyakit Berjangkit, Neurologi dan lain-lain setelah tamat latihan kepakaran,
- 2.2 Latihan sub-kepakaran ini amat diperlukan kerana negara kita masih lagi memerlukan ramai lagi pakar dengan sub-kepakaran tertentu contoh Urologi, Neurologi, Geriatrik dan Paliatif

3.0 ASAS PERTIMBANGAN

- 3.1 Seorang Pegawai Perubatan mengambil sekurang-kurangnya 4 tahun untuk menamatkan latihan kepakaran untuk menjadi doktor pakar di bidang pilihan mereka. Kemudian Pegawai Perubatan Pakar akan melalui tempoh pra-warta dari 6 hingga 18 bulan untuk menjadi Pakar. Pakar-pakar terpaksa menjalani 3 hingga 4 tahun untuk latihan sub-kepakaran mereka dan perlu menjalani tempoh pra-warta selama 6 bulan lagi. Oleh kerana rawatan dan keperluan perkhidmatan dari pakar yang telah menjalani latihan sub-kepakaran ini amat kritikal, adalah munasabah untuk Pegawai Perubatan diberi elaun sub-kepakaran selepas mereka tamat latihan sub-kepakaran.
- 3.2 Elaun sub-kepakaran ini akan memberi insentif kepada doktor-doktor untuk berkhidmat dengan lebih giat lagi dan mengurangkan penghijrahan ke sektor swasta. Ia juga akan mendorong doktor pakar berusaha lebih gigih untuk menjalani latihan sub-kepakaran agar memberi perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat
- 3.3 Langkah ini akan meningkatkan lagi jumlah pendapatan seorang doktor yang berkhidmat (doktor dengan sub-kepakaran) berbanding doktor pakar

4.0 IMPLIKASI KEWANGAN

- 4.1 Jika kerajaan bersetuju menimbangkan permohonan ini sudah pasti ia akan melibatkan pertambahan perbelanjaan. Walaubagaimanapun, ini merupakan satu cara untuk mengurangkan doktor-doktor daripada berhijrah ke perkhidmatan kesihatan swasta, institut pengajian tinggi swasta dan ke luar negara

- 4.2 Peningkatan perbelanjaan kewangan kepada negara tidak begitu tinggi dan ini secara langsung akan memberi ganjaran yang lebih kepada doktor-doktor kerajaan, setimpal dengan Wawasan Malaysia ke arah negara maju menjelang tahun 2020.

5.0 KESIMPULAN

- 5.1 Permohonan ini adalah untuk menyeru kerajaan memberi lebih ganjaran yang setimpal dengan beban tugas kerja yang kritikal dan insentif untuk Pegawai-pegawai Perubatan Sub-kepakaran untuk kekal berkhidmat sebagai pegawai kerajaan.

6.0 SYOR

- 6.1 Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurus dan Professional dipohon untuk menimbangkan syor untuk memberi elaun sub-kepakaran sebanyak RM 3000 sebulan kepada Pegawai Perubatan selepas tamat menjalani latihan sub-kepakaran.

DR ARVINDRAN A/L ALAGA
Ahli Majlis Bersama Kebangsaan [Pengurusan dan professional]
Timbalan Pengerusi SCHOMOS 2015-2016
Persatuan Perubatan Malaysia